

Headline	UUM buru pencapaian berganda		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	20 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Color	Full Color
Page No	26	ArticleSize	228 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,149	PR Value	RM 6,448



# Selepas menerima anugerah autonomi daripada Kementerian Pengajian Tinggi UUM buru pencapaian berganda

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**  
utusankedah@utusan.com.my

**KUBANG PASU** 19 Feb. - Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dianugerahkan autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi, baru-baru ini berhasrat menterjemahkannya kepada pencapaian yang lebih bermakna.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak (**gambar**) berkata, penekanan baharu akan diberikan setelah universiti meraih



pelbagai kejayaan dan juga penerimaan autonomi.

Katanya, UUM mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dan berat untuk memastikan universiti dapat menyampaikn khidmat dan juga mempertahankan kualiti akademik dan pencapaian yang diraih.

"Secara khususnya autonomi ini memberi UUM ruang lebih luas untuk merencana sendiri agenda ber-



kaitan empat bidang yang cukup kritikal kepada semua universiti iaitu tadbir-urus universiti, kewangan dan penjana pendapatan, sumber manusia dan pengurusan akademik dan kemasukan pelajar," katanya di sini baru-baru ini.

Anugerah autonomi kepada UUM itu disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, baru-baru ini. Mohamed Mustafa berkata, pene-

kan turut diberikan kepada peringkatnya aspek pembangunan bakat.

"Seperti saya tekankan, ilmuwan terbaik akan membawa dan menarik pelajar yang terbaik. Jadi pembangunan tenaga akademik mestilah dibuat secara berterusan supaya UUM mempunyai profesor dan sarjana terkemuka dalam bidang pengu-

rusan pemiagaan, ini sekali gus akan menarik lebih ramai pelajar," katanya. Tambah beliau, pembangunan prasarana juga diberi perhatian memandangkan usia universiti ini yang makin meningkat.

"UUM akan meningkatkan prasarana pengajaran dan pembelajaran serta infrastrukturnya akan ditingkatkan supaya kita mempunyai prasarana yang bertaraf antarabangsa, sesuai dengan usaha kita untuk menarik pasca siswazah dan pelajar antarabangsa," tambah beliau.

Mohamed Mustafa berkata, UUM akan mula mengemas kedudukan untuk menyertai ranking antarabangsa supaya kedudukan universiti ini dalam arena antarabangsa adalah setaraf dengan dengan pencapaiannya.